

**NO. SOALAN: 6**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : PUAN SITI ZAILAH BINTI MOHD YUSOFF  
[ RANTAU PANJANG ]**

**TARIKH : 10 NOVEMBER 2014**

**RUJUKAN : 7341**

**SOALAN:**

**Puan Siti Zailah binti Mohd Yusoff [ Rantau Panjang ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan usaha Kerajaan untuk mengatasi masalah pemerdagangan manusia yang melibatkan wanita dan kanak-kanak yang semakin berleluasa.

**JAWAPAN:**

**Tuan Yang di-Pertua,**

**Sejak Akta Antipemerdagangan Orang dan Antipenyeludupan Migran (ATIPSOM) 2007 dikuatkuasakan pada 28 Februari 2008 sehingga 30 September 2014, mangsa-mangsa pemerdagangan orang yang telah diselamatkan berjumlah 1892 merangkumi mangsa lelaki, wanita dan kanak-kanak. Merujuk kepada jumlah mangsa pemerdagangan wanita, adalah didapati terdapatnya penurunan di mana jumlah yang diselamatkan sehingga 30 September 2014 adalah seramai 195 orang berbanding dengan jumlah seramai 301 untuk tahun 2013. Penurunan juga dapat dilihat jika dibandingkan dengan tahun sebelum itu (2012) di mana jumlah mangsa pemerdagangan wanita adalah seramai 409.**

**Mengenai mangsa pemerdagangan kanak-kanak pula, saya ingin maklumkan di sini bahawa jumlah yang diperdagangkan adalah seramai 14 orang setakat 30 September 2014 berbanding dengan 25 orang bagi tahun 2013. Penurunan juga dapat dilihat berbanding dengan tahun sebelum ini (2011) iaitu seramai 39 orang.**

**Kerajaan telah mengambil langkah secara serius sejak tahun 2007 untuk menangani jenayah ini menerusi penggubalan Akta Antipemerdagangan Orang dan Antipenyeludupan Migran**

**(ATIPSOM) 2007. Akta ini telah dikuatkuasakan sepenuhnya pada 28 Februari 2008 dan turut disokong oleh Pelan Tindakan Kebangsaan Antipemerdagangan Orang untuk tempoh lima (5) tahun mulai 2010 hingga 2015. Akta ini dan Pelan Tindakan Kebangsaan merangkumi elemen-elemen penting dalam menangani jenayah pemerdagangan orang iaitu pencegahan, pendakwaan, perlindungan dan perkongsian strategik.**

**Akta tersebut juga telah memperuntukkan penubuhan Majlis Antipemerdagangan Orang dan Antipenyeludupan Migran (MAPO) termasuk penubuhan lima (5) buah jawatankuasa berkaitan dengan Perundangan, Penguatkuasaan, Perlindungan dan Pemulihan Mangsa, Media dan Publisiti serta Pemerdagangan Buruh.**

**Akta ini telah dipinda pada tahun 2010 bagi memperluaskan definisi pemerdagangan orang untuk turut merangkumi aspek eksploitasi buruh. Pindaan turut melibatkan peningkatan jumlah penalti sehingga RM 1 juta bagi keuntungan yang diperolehi daripada jenayah ini.**

**Sebagai langkah seterusnya untuk tujuan penambahbaikan kepada usaha Kerajaan dalam menangani isu ini, langkah-langkah seperti berikut telah dan akan dilaksanakan iaitu:-**

- (i) penubuhan High Level Committee (HLC) yang dipengerusikan oleh Y.B. Menteri Dalam Negeri dan**

**melibatkan Menteri-Menteri di mana Kementerian mereka adalah merupakan anggota kepada MAPO;**

- (ii) pindaan kepada Akta Antipemerdagangan Orang dan Antipenyeludupan Migran (ATIPSOM) 2007 dalam mempertingkatkan aspek perlindungan mangsa;**
- (iii) pengukuhan Sekretariat MAPO bagi tujuan penyelarasan dan koordinasi program / aktiviti yang dilaksanakan oleh lima (5) Jawatankuasa di bawah MAPO secara lebih efektif dan terancang; dan**
- (iv) penyediaan dana tahunan bagi MAPO.**

**Usaha penambahbaikan ini adalah bagi mempertingkatkan imej dan kredibiliti negara dalam menangani isu ini. Malahan, ianya juga adalah bagi memenuhi obligasi dan komitmen Negara sebagai anggota kepada Protokol Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) mengenai Pemerdagangan Orang di bawah Konvensyen PBB mengenai Jenayah Terancang (UNTOC). Malaysia telah menganggotai Protokol ini sejak 26 Februari 2009.**

**Malaysia juga bekerjasama dengan negara rakan strategik termasuk organisasi antarabangsa seperti Organisasi Antarabangsa mengenai Migrasi (IOM) bagi menyelesaikan**

**jenayah ini secara kolektif menerusi pertukaran data dan maklumat termasuk bina upaya.**